

Dua lagi ditahan kes hina Agong

Polis ambil tindakan kekang penghinaan institusi diraja berterusan

Kuala Lumpur: Dua lagi individu ditahan kerana disyaki memuat naik status menghina Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di laman sosial Facebook, menjadikan tiga orang ditahan setakat ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata dua lelaki itu masing-masing ditahan di Sandakan, Sabah dan Sungai Buloh, Selangor, kelmarin.

"Mereka akan direman (untuk siasatan) dan keputusan, sama ada mereka akan dituduh (di mahkamah) atau tidak akan diputuskan oleh Pejabat Pe-

guam Negara.

"Pihak polis akan terus ambil tindakan untuk mengelak perkarai ini (perbuatan menghina Yang di-Pertuan Agong) berterusan," katanya kepada pemberita di Bukit Aman di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, seorang pemilik akaun Twitter yang memuat naik status mempunyai unsur hasutan akan dipanggil untuk memberi keterangan esok.

"Polis tidak mahu ketenteraman awam terganggu dan akan ambil tindakan sewajarnya," katanya.

Kelmarin, Huzir dilaporkan berkata, seorang lelaki tempatan berusia 35 tahun ditahan kerana memuat naik status menghina Al-Sultan Abdullah di laman sosial Facebook.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Hasutan iaitu kecenderungan menghasut dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar ke mudahan rangkaian atau per-

khidmatan rangkaian.

Dalam perkembangan lain, Huzir berkata, pihaknya membuka kertas siasatan berhubung satu perhimpunan haram yang diadakan berdekatan sebuah pusat beli-belah di ibu negara, kelmarin.

"Polis sedang kenal pasti siapa yang hadir dalam perhimpunan itu dan akan jalankan siasatan sewajarnya," katanya.

Sementara itu di Shah Alam, Polis Selangor menerima sekurang-kurangnya lima laporan polis berhubung hantaran berbaur penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong yang dimuat naik di media sosial setakat ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin, berkata pihaknya perlu merujuk laporan itu kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang menerimanya terlebih dahulu.

"Jadi kita kumpul dan rujuk kepada daerah berkenaan. Pihak Bukit Aman juga menjalankan siasatan terhadap kes ini," katanya dalam sidang media di Ibu



‘Polis tidak mahu ketenteraman awam terganggu dan akan ambil tindakan sewajarnya.’

**Huzir Mohamed,
Pengarah Jabatan Siasatan
Jenayah (JSJ) Bukit Aman**

Pejabat Polis Kontinen (IPK) Selangor di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Noor Azam mengesahkan penahanan seorang individu terbabit dalam insiden kekecohанan membabitkan Naib Presiden, Tian Chua, di Ibu Pejabat PKR, kelmarin.

"Polis ada buat tangkapan ke atas seorang individu dan polis masih menyiasat video terbabit untuk tindakan selanjutnya," katanya.

BERNAMA